

NO. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK EWON EBIN [RANAU]

TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)

RUJUKAN : 10741

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ke atas pihak-pihak tertentu yang sengaja menfitnah Kerajaan dengan mengatakan bahawa, Kerajaan Persekutuan sengaja melambat launkan tindakan ke atas pelaksanaan penemuan Suruhanjaya Diraja Pendatang Asing di Negeri Sabah seperti yang terkandung dalam laporan RCI Sabah; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil ke atas syor RCI Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan pengumuman mengenai dapatan daripada Laporan RCI Sabah pada 3 Disember 2014, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Kerajaan telah menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran PATI di Sabah. Kesungguhan JKPWAS mengatasi isu PATI dapat dilihat melalui jumlah pengusiran tertinggi seramai 27,769 orang pada tahun 2015. Secara keseluruhannya, jumlah pengusiran dari tahun 1990 sehingga 23 Februari 2018 adalah seramai 567,581 orang;
- (ii) mengadakan kerjasama dengan Kedutaan Republik Filipina bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang akan diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak yang positif apabila dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu berbanding 2 hingga 3 bulan sebelum ini sejak dilaksanakan pada Januari 2016;
- (iii) JKPWAS-Induk melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi telah menyelaras program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh jabatan/agensi seperti *Eastern Sabah Security Command*

49

(ESSCOM), MKN, JPM dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu PATI di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan

- (iv) Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang berkuat kuasa pada 15 September 2015 dengan tujuan untuk membezakan dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.**